

Georgetown

Program 'Rock A Duck' dapat sambutan

Impian murid Sekolah Pendidikan Khas Persekutuan, Tanjung Bungah, di sini, untuk memiliki tempat berbumbung bagi mengadakan aktiviti luar dan perhimpunan bakal menjadi kenyataan apabila mendapat sumbangan daripada Hotel Hard Rock Pulau Pinang (HHRPP), tidak lama lagi.

Kutipan sumbangan melalui program kebajikan 'Rock A Duck' dianjurkan HHRPP melalui program tanggungjawab sosial korporat (CSR) itu dimulakan sejak November tahun lalu dan mendapat sambutan menggalakkan daripada pengunjung serta pelanggan hotel berkenaan.

Pengurus HHRPP John Primmer berkata, membantu pihak lain sememangnya menjadi moto hotel berkenaan dan untuk membantu dan merealisasikan impian murid memiliki tempat

berbumbung mengadakan aktiviti luar harian dan tempat perhimpunan, berbanding diadakan secara terbuka.

Beliau berkata, pihaknya menyediakan 20,000 unit patung getah itik eksklusif apabila 10,000 daripadanya dijual kepada pengunjung untuk didermakan kepada sekolah berkenaan.

"10,000 lagi akan dilepaskan di dalam kolam di HHRPP untuk cabutan bertuah dengan harga RM10 setiap satu dan ia menawarkan pelbagai hadiah menarik. Hadiah utama penginapan tiga hari dua malam di HRHPP, penginapan di Hotel Hard Rock Bali, Indonesia dan Hard Rock Hotel Pattaya termasuk tiket penerbangan untuk dua orang.

"Dua hadiah lain penginapan tiga hari dua malam di Lagoon Deluxe dan Seaview Deluxe di HHRPP," katanya dalam kenyataan, semalam.
